



## MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

### JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan **bertaraf Pekerja Sambilan Harian (PSH)** di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan keutamaan kepada **Anak Negeri Selangor**.

1. Nama Jawatan : <b>PEMBANTU AWAM</b>	
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Sambilan
Upah Harian	: RM50 /Sehari

#### Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) i) Warganegara Malaysia;
  - ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
  - iii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan Yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Pelaksanaan Tugas :

##### 1. PROJEK ANAEROBIC DIGESTER (AD)

- 1.1 Edaran tong sisa makanan kepada premis makanan.
- 1.2 Membuat kerja-kerja kutipan sisa domestik di lokasi
- 1.3 Membuat pengasingan sisa makanan mengikut jenis.
- 1.4 Membuat proses penghancuran sisa makanan.
- 1.5 Menjalankan proses kerja di tapak
- 1.6 Menjalankan aktiviti pertanian daripada hasil penguraian sisa organic
- 1.7 Merekod data kutipan sisa makanan dan data produk akhir (baja cecair)
- 1.8 Membungkus produk akhir sisa makanan kepada baja cecair selepas pengoperasian mesin AD
- 1.9 Membantu memberi pendidikan dan kesedaran mengenai pengurusan sisa kepada orang awam.

## **2. BAHAGIAN TLK**

- 2.1 Melaksanakan kerja-kerja berkaitan Tempat Letak Kereta (TLK) dan Kupon meliputi mengecat, mengangkat halangan, memasang *signboard*
- 2.2 Membersihkan longkang/Monsun dan kemudahan awam Majlis .

### **PERHATIAN KEPADA PEMOHON :**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang MPAJ 1 (Percuma) yang boleh didapati dari **Kaunter Khidmat Pelanggan atau muat turun borang melalui laman web Majlis Perbandaran Ampang Jaya iaitu [www.mraj.gov.my](http://www.mraj.gov.my)**
- b) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar beserta dengan:
  - i. **Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran;**
  - ii. **Salinan Sijil-sijil Persekolahan termasuk Sijil Berhenti Sekolah;**
  - iii. **Salinan Kelulusan Akademik** (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara - (jika berkenaan);
  - iv. Salinan Sijil Ko-Kurikulum/Penghargaan; dan
  - v. 2 keping **gambar ukuran passport (warna)**; dan
- c) Calon-calon yang terpilih akan menjalani Ujian Kecerdasan (IQ Test) sebelum layak dipanggil untuk sesi temuduga.

### **PENTING:**

- i. Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **ditolak**.
- ii. Hanya calon yang ditapis sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iv. Sebarang tuntutan perbelanjaan adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- v. Sebarang pertanyaan atau kesulitan sila hubungi talian **03-4285 7040/7037**.
- vi. Semua permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN ARAS 4  
MENARA MPAJ  
JALAN PANDAN UTAMA  
PANDAN INDAH  
55100 KUALA LUMPUR  
(U.P: BAH. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

**Diiklankan pada : 15 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS )**

**Tarikh tutup permohonan pada : 23 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT )**

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR**